

05 AUG 1998

Multimedia

MMA 98 MENJANJIKAN KUALITI

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Persidangan dan Pameran Multimedia Asia 98 (MMA 98) yang akan berlangsung di sini bulan depan dijangka lebih baik dari segi kualiti walaupun bilangan pesertanya kecil, kata setiausaha tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), Tengku Datuk Dr Azzman Shariffadeen hari ini.

"Kegawatan ekonomi nampaknya menjejaskan industri ini dan mengurangkan bilangan penyertaan. Tetapi saya yakin mereka yang terlibat mempunyai kualiti," katanya pada satu sidang berita di sini.

Acara tahunan itu, yang menghimpunkan syarikat-syarikat dan para profesional multimedia dalam konteks Koridor Raya Multimedia (MSC), diperkenalkan buat pertama kali pada tahun 1996 yang telah menarik penyertaan kira-kira 200 syarikat tempatan dan asing tahun lepas.

Tengku Dr Azzman berkata syarikat dan individu yang serius tidak mahu terlepas peluang dari menghadiri acara itu termasuk peluang-peluang perniagaan dalam atau berkaitan dengan MSC.

Selain daripada menjadi pusat sehenti mempamerkan teknologi-teknologi multimedia terkini dari dalam dan luar negara, MMA 98 juga menawarkan para peserta dan pengunjung peluang yang unik menilai aplikasi semasa dan untuk masa depan yang terdekat.

Acara empat hari itu bermula pada 29 Sept dibahagikan kepada empat pavilion kumpulan utama --MSC (untuk syarikat berstatus MSC), Universiti (juga termasuk kolej dan institusi-institusi latihan), kiosk usahawan (syarikat kecil) dan Negara asing (Australia, United Kingdom dan Perancis).

Tengku Dr Azzman berkata idea-idea yang diperolehi dari sesi dialog dan bengkel akan disepadukan dalam penggabalan strategi baru bagi meningkatkan industri IT dan multimedia di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan MMA 98 dan menyampaikan ucap utama, kata beliau yang juga presiden dan ketua pegawai eksekutif Mimos.

Antara syarikat terkemuka yang akan menyertai pameran ialah NTT MSC Sdn Bhd, MTDC Technology Media, Leadcom, Canon Malaysia, Mediashoppe dan Philips Semiconductors.

The MMA 98 dianjurkan bersama oleh NITC, Multimedia Development Corporation Berhad dan Telekom Malaysia Berhad.

-- BERNAMA

HJ WAT